<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perubahan atau pengubahsuaian ke atas sistem maklumat dan aplikasi hendaklah dikawal, diuji, direkodkan dan disahkan sebelum diguna pakai;</li> </ul>	Pemilik Sistem, Pentadbir Sistem

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	77

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 78/100

b) Aplikasi kritikal perlu dikaji semula dan diuji apabila terdapat perubahan kepada sistem pengoperasian untuk memastikan tiada kesan yang buruk terhadap operasi dan keselamatan universiti. Individu atau suatu kumpulan tertentu perlu bertanggungjawab memantau penambahbaikan dan pembetulan yang dilakukan oleh vendor;  c) Mengawal perubahan dan/atau pindaan ke atas pakej perisian dan memastikan sebarang perubahan adalah terhad mengikut keperluan sahaja;  d) Akses kepada kod sumber (source code) aplikasi perlu dihadkan kepada pengguna yang diizinkan; dan  e) Menghalang sebarang peluang untuk membocorkan maklumat.	
<b>UTM-080602 Pembangunan Perisian Secara Outsource</b>	<b>Tindakan</b>
Pembangunan perisian secara outsource perlu diselia dan dipantau oleh pemilik sistem.  Kod sumber (source code) bagi semua aplikasi dan perisian adalah menjadi hak milik UTM.	Bahagaian Pembangunan Aplikasi dan Semua PTJ

<b>0807 Pengurusan Penilaian Kerentanan (SPA)</b>	
<b>UTM-080701 Perlaksanaan Pengurusan Penilaian Kerentanan</b>	<b>Tindakan</b>
Seksyen ini bertujuan memastikan pelaksanaan pengurusan penilaian kerentanan adalah berkesan, sistematik dan berkala dengan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk menjamin keberkesanannya. Pelaksanaan pengurusan penilaian keterdedahan ini perlu juga dilaksanakan ke atas sistem pengoperasian dan sistem aplikasi yang digunakan sekurang-kurangnya setahun sekali bergantung kepada tahap kritikal sistem pengoperasian dan sistem aplikasi yang sedia ada.	ICTSO

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	78

	<b>DKICT</b>	<b>KLASIFIKASI</b>	: <b>TERBUKA</b>
		<b>VERSI</b>	: <b>1.0</b>
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>		<b>TARIKH</b>	: <b>xxx</b>
		<b>MUKA SURAT</b>	: <b>79/100</b>

#### **0808 Sekatan Dalam Instalasi Perisian**

<b>UTM-080801 Peraturan Instalasi Perisian</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Seksyen ini menjelaskan peraturan berhubung instalasi perisian yang perlu diwujud dan dilaksanakan.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi tetapi tidak hanya terhad kepada yang berikut:</p> <p>Pengguna hanya dibenarkan menggunakan perisian yang disediakan oleh CICT sahaja kecuali perisian yang mendapat persetujuan Ketua PTJ masing-masing atas tujuan rasmi.</p>	CICT dan Semua

#### **0809 Polisi Pembangunan Sistem Selamat**

<b>UTM-080901 Keselamatan Pembangunan Sistem Selamat</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Seksyen ini berperanan untuk memastikan keselamatan maklumat direkabentuk dan dilaksanakan didalam kerangka pembangunan sistem maklumat.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu diambil kira tetapi tidak hanya terhad kepada yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mewujudkan persekitaran yang selamat untuk pembangunan sistem maklumat;</li> <li>b) Mewujudkan garis panduan jelas perihal keselamatan maklumat didalam proses pembangunan perisian/sistem maklumat;</li> <li>c) Mengenalpasti keperluan keselamatan didalam fasa rekabentuk perisian/sistem maklumat;</li> <li>d) Mengadakan titik semakan keselamatan didalam jadual perbatuan projek pembangunan perisian/sistem maklumat;</li> <li>e) Mewujudkan repositori yang selamat untuk perisian/sistem maklumat yang dibangunkan;</li> </ul>	Semua

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	79

<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
	<b>VERSI</b> : 1.0
	<b>TARIKH</b> : xxx
	<b>MUKA SURAT</b> : 80/100

<p>f) Memastikan keselamatan dalam kawalan versi;</p> <p>g) Mengenalpasti aplikasi yang diperlukan untuk merekod pengetahuan berkaitan keselamatan sistem maklumat;</p> <p>h) Membina kemahiran pembangun perisian/sistem maklumat supaya mereka mampu menjauhi, mengenalpasti, dan merungkai setiap kelemahan yang dikesan didalam perisian/sistem maklumat yang dibangunkan. Teknik pengaturcaraan selamat wajar dipraktik;</p> <p>i) Piawaian tentang teknik pengaturcaraan selamat wajar dirujuk;</p> <p>j) Kumpulan pembangun perlu diberi latihan secukupnya tentang skil pengujian dan penyemakan kod perisian;</p> <p>k) Jika pembangunan perisian dilaksanakan dengan menggunakan sumber luar, CICT perlu mendapatkan jaminan bahawa pemaju yang dilantik memenuhi peraturan, polisi, prosidur, dan proses berkaitan pembangunan sistem selamat.</p>	
---	--

<b>0810 Prinsip Kejuruteraan Sistem Selamat</b>	
<b>UTM-081001 Kepentingan Prinsip Kejuruteraan Sistem Selamat</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Seksyen ini menjelaskan kepentingan untuk mewujud, mendokumen, dan menyelenggara prinsip-prinsip kejuruteraan sistem maklumat untuk digunakan sewaktu pembangunan sistem maklumat.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu diambilkira tetapi tidak hanya terhad kepada yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Prosedur kejuruteraan sistem maklumat selamat yang berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan kejuruteraan sistem perlu dibangun, didokumen, dan dilaksana di dalam setiap projek pembangunan sistem maklumat;</li> <li>b) Aspek keselamatan perlu diberi penekanan dalam setiap lapisan rekabentuk struktur sistem maklumat (seperti lapisan bisnes, lapisan data, dan lapisan aplikasi);</li> </ul>	Semua

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	80

<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
	<b>VERSI</b> : 1.0
	<b>TARIKH</b> : xxx
	<b>MUKA SURAT</b> : 81/100

<p>c) Setiap teknologi baru yang bakal diguna pakai oleh UTM perlu dianalisis bagi menilai risiko keselamatan. Rekabentuk teknologi perlu disemak dari sudut kelemahan dan potensi serangan oleh penceroboh sistem maklumat;</p> <p>d) Setiap prosedur dan prinsip kejuruteraan sistem maklumat yang dibangunkan perlu disemak dari masa ke semasa bagi memastikan ianya kekal relevan dan mampu menangani ancaman keselamatan yang sentiasa berubah mengikut masa;</p> <p>e) Prinsip dan prosedur kejuruteraan sistem selamat juga perlu digunakan sekiranya UTM melaksanakan pembangunan sistem maklumat menggunakan sumber luar. Pematuhan kepada prinsip dan prosidur berkaitan perlu dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian bersama pemaju luar.</p>	
---	--

<b>0811 Persekutaran Pembangunan Sistem Selamat</b>	
<b>UTM-081101 Keperluan Persekutaran Pembangunan Sistem Maklumat</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Seksyen ini menjelaskan keperluan untuk memastikan persekitaran pembangunan sistem adalah selamat dan dilindungi bagi memastikan pembangunan, pengintegrasian, dan pengujianan sistem maklumat terjamin.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu diambil kira tetapi tidak hanya terhad kepada yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sensitiviti data yang perlu diproses, disimpan, dan dipindahkan melalui sistem maklumat yang dibangunkan;</li> <li>b) Keperluan dalaman dan luaran yang berkaitan (seperti regulasi dan polisi);</li> <li>c) Kawalan keselamatan yang telah sedia laksana dalam CICT yang menyokong aktiviti pembangunan sistem maklumat;</li> <li>d) Kebolehpercayaan personel yang bekerja dalam persekitaran pembangunan sistem maklumat;</li> <li>e) Tahap penglibatan suber luar dalam pembangunan sistem maklumat;</li> </ul>	Semua

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	81

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx	
	MUKA SURAT : 82/100	

f) Keperluan untuk mengasingkan beberapa persekitaran yang berbeza; g) Kawalan akses ke persekitaran pembangunan sistem maklumat; h) Pemantauan perubahan terhadap persekitaran dan kod sumber; i) Pendua kepada data-data projek pembangunan sistem maklumat disimpan di lokasi berasingan dari persekitaran pembangunan sistem maklumat; j) Kawalan terhadap pergerakan data dari dan kepada persekitaran; k) Setelah strategi perlindungan persekitaran ditentukan, UTM sewajarnya mendokumenkan proses-proses yang berkaitan didalam kerangka pembangunan sistem selamat dan menjadikannya sebagai rujukan kumpulan pemaju.	
--	--

<b>0812 Pengujianan Keselamatan Sistem</b>	
<b>UTM-081201 Pengujianan Keselamatan ICT</b> <p>Seksyen ini menjelaskan keperluan untuk melaksanakan pengujian terhadap fungsi-fungsi keselamatan sistem maklumat semasa fasa pembangunan berlangsung.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu diambilkira tetapi tidak hanya terhad kepada yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Persiapan rapi untuk melaksanakan pengujianan keselamatan sistem maklumat perlu dilakukan termasuk jadual pengujianan, data input, jangkaan keputusan, dan kondisi pengujianan;</li> <li>b) Untuk sistem maklumat yang dibangunkan sepenuhnya oleh KDN, pengujianan keselamatan sistem maklumat boleh dilakukan oleh kumpulan dalam terlebih dahulu kemudian baru diikuti dengan pengujianan penerimaan secara bebas oleh pengguna sebenar sistem.</li> </ul>	<b>Tindakan</b> Semua

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	82

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 83/100

## BIDANG 09

### PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN ICT

<b>Huraian</b>	Semua insiden keselamatan ICT yang berlaku di UTM mestilah dilaporkan dengan serta-merta kepada UTM CERT dan dikendalikan mengikut peraturan atau prosedur pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT Kerajaan yang ditetapkan.
<b>Objektif</b>	Untuk memastikan semua insiden dikendalikan dengan cepat, tepat dan berkesan, dan memastikan sistem ICT UTM dapat segera beroperasi semula dengan baik supaya tidak menjaskan imej UTM.

<b>0901 Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>UTM-090101 Pengurusan Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>

Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan Bahagian / Seksyen / Unit di bawah kawalannya mematuhi dasar mengenai pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT UTM dengan merujuk kepada UTM CERT, pekeliling am, surat pekeliling am, garis panduan dan prosedur operasi standard yang telah dikeluarkan oleh Kementerian dan Kerajaan.

<b>0902 Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>UTM-090201 Laporan Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>

Insiden keselamatan ICT bermaksud musibah (adverse event) yang berlaku ke atas aset ICT atau ancaman kemungkinan berlaku kejadian tersebut. Ia mungkin suatu perbuatan yang melanggar dasar keselamatan ICT sama ada yang ditetapkan secara tersurat atau tersirat.

Insiden keselamatan ICT seperti berikut hendaklah dilaporkan kepada ICTSO dan

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	83

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 84/100

<p>UTM CERT dengan kadar segera:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Maklumat didapati hilang, didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa atau, disyaki hilang atau didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa;</li> <li>b) Sistem maklumat digunakan tanpa kebenaran atau disyaki sedemikian;</li> <li>c) Kata laluan atau mekanisme kawalan akses hilang, dicuri atau didedahkan, atau disyaki hilang, dicuri atau didedahkan;</li> <li>d) Berlaku kejadian sistem yang luar biasa seperti kehilangan fail, sistem kerap kali gagal dan komunikasi tersalah hantar; dan</li> <li>e) Berlaku percubaan menceroboh, penyelewengan dan insiden- insiden yang tidak dijangka.</li> </ul> <p>Ringkasan bagi semua proses kerja yang terlibat dalam pelaporan insiden keselamatan ICT di UTM seperti <a href="#">Lampiran 2</a>.</p>	
--	--

<b>0903 Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>Objektif :</b>	
Memastikan insiden dikendalikan dengan cepat dan berkesan bagi meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.	
UTM-090301 Mekanisme Pelaporan	Tindakan
Mekanisma pelaporan berikut wajar dilaksanakan bila mana insiden keselamatan ICT berlaku:	Semua
a) Pelaporan  Semua insiden keselamatan ICT yang berlaku mesti dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) UTM dan kepada UTM CERT atau / dan kepada Government Computer Emergency Response Team (GCERT) untuk pengendalian dan pengumpulan statistik insiden keselamatan ICT Kerajaan.	

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	84

	<b>DKICT</b>	<b>KLASIFIKASI</b>	: TERBUKA
		<b>VERSI</b>	: 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b>	<b>TARIKH</b>	: xxx
	<b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	<b>MUKA SURAT</b>	: 85/100

<p>Semua maklumat adalah SULIT, dan hanya boleh didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan.</p> <p>b) Pelantikan Pegawai Bertanggungjawab</p> <p>Pegawai Keselamatan ICT UTM atau ICTSO dan anggota pasukan UTM CERT mestilah dilantik secara rasmi oleh pengurusan UTM, dan semua warga UTM perlu ambil maklum akan pelantikan pegawai-pegawai ini, dan perlu sentiasa bersedia untuk memberi respons apabila diperlukan.</p> <p>c) Tanggungjawab Pengguna</p> <p>Semua warga UTM, pembekal, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat diingatkan supaya tidak melaksanakan sebarang tindakan secara sendiri, tapi sebaliknya perlu terus melaporkan dengan segera sebarang kejadian insiden keselamatan ICT, kerentenan yang diperhatikan atau disyaki terdapat dalam perkhidmatan dan sistem maklumat UTM menerusi mekanisme pelaporan ini. Ini adalah bagi mengelakkan kerosakan atau kehilangan bahan bukti pencerobohan dan cubaan pencerobohan.</p> <p>d) Tindakan Dalam Keadaan Berisiko Tinggi</p> <p>Dalam keadaan atau persekitaran berisiko tinggi, pengurusan atasan hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta supaya satu keputusan segera dapat diambil. Tindakan ini perlu bagi mengelakkan kesan atau impak kerosakan yang lebih teruk dan mengelakkan kejadian insiden merebak kepada agensi-agensi lain.</p> <p>Ringkasan bagi semua proses kerja yang terlibat dalam pelaporan insiden keselamatan ICT di UTM seperti pada Lampiran 2.</p>	
---	--

#### 0904 Prosedur Pengendalian Insiden Keselamatan ICT

<b>UTM-090401 Prosedur Pelaporan Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
Prosedur pelaporan insiden keselamatan ICT berdasarkan:	Semua
a) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 - Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan	

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	85

 <p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
	<b>VERSI</b> : 1.0
	<b>TARIKH</b> : xxx
	<b>MUKA SURAT</b> : 86/100

b) Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2006 – Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sektor Awam.	
---	--

<b>0905 Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT</b>	
<b>Objektif :</b>	
Memastikan pendekatan yang konsisten dan efektif digunakan dalam pengurusan maklumat insiden keselamatan ICT.	
<b>UTM-090501 Prosedur Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Maklumat mengenai insiden keselamatan ICT yang dikendalikan perlu disimpan dan dianalisis bagi tujuan perancangan, tindakan pengukuhan dan pembelajaran bagi mengawal kekerapan, kerosakan dan kos kejadian insiden yang akan datang. Maklumat ini juga digunakan untuk mengenal pasti insiden yang kerap berlaku atau yang memberi kesan serta impak yang tinggi kepada UTM.</p> <p>Bahan-bahan bukti berkaitan insiden keselamatan ICT hendaklah disimpan dan disenggarakan. Kawalan-kawalan yang perlu diambil kira dalam pengumpulan maklumat dan pengurusan pengendalian insiden adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menyimpan jejak audit, backup secara berkala dan melindungi integriti semua bahan bukti;</li> <li>b) Menyalin bahan bukti dan merekodkan semua maklumat aktiviti penyalinan;</li> <li>c) Menyediakan pelan kontingensi dan mengaktifkan pelan kesinambungan perkhidmatan;</li> <li>d) Menyediakan tindakan pemulihan segera; dan</li> <li>e) Memaklumkan atau mendapatkan nasihat pihak berkuasa perundangan sekiranya perlu.</li> </ul>	ICTSO

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	86

	<b>DKICT</b>	<b>KLASIFIKASI</b>	: TERBUKA
		<b>VERSI</b>	: 1.0
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>		<b>TARIKH</b>	: xxx
		<b>MUKA SURAT</b>	: 87/100

#### 0906 Penilaian Dan Keputusan Terhadap Insiden Keselamatan ICT

<b>UTM-090601 Hasil Penilaian dan Keputusan Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
<p>UTM CERT bertanggungjawab terhadap insiden keselamatan ICT dan keputusan perlu dibuat jika insiden tersebut boleh diklasifikasikan sebagai insiden keselamatan maklumat mengikut prosidur yang ditetapkan. Pasukan yang terlibat wajar melaksanakan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penilaian perlu dibuat berasaskan skim klasifikasi insiden yang dipersetujui;</li> <li>b) Insiden perlu disusun mengikut kepentingan dan implikasi kepada UTM;</li> <li>c) Hasil daripada penilaian yang dibuat boleh dipanjangkan kepada UTM CERT supaya pengesahan atau penilaian semula dapat dilakukan;</li> <li>d) Hasil daripada penilaian juga perlu direkodkan dengan terperinci untuk rujukan masa depan dan penentusan.</li> </ul>	ICTSO

#### 0907 Tindakbalas Terhadap Insiden Keselamatan ICT

<b>UTM-090701 Matlamat Tindakbalas Insiden Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
<p>Insiden keselamatan maklumat perlu diberi tindakbalas sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab mengikut prosidur yang berkaitan. Matlamat utama tindakbalas terhadap insiden keselamatan ICT adalah untuk mengembalikan tahap keselamatan ke paras normal dan seterusnya melaksanakan langkah-langkah perlu pemulihan.</p> <p>Pasukan tindakbalas wajar melaksanakan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengumpul bahan bukti secepat yang mungkin selepas kejadian;</li> <li>b) Melaksanakan forensik keselamatan maklumat;</li> <li>c) Insiden dimaklumkan kepada pihak yang berkaitan atau perlu tahu;</li> <li>d) Semua aktiviti dalam memberi tindakbalas direkod secara sistematik untuk analisis selanjutnya;</li> </ul>	ICTSO

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	87

<p><b>DKICT</b></p>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
	VERSI : 1.0
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
	MUKA SURAT : 88/100

e) Mengendalikan dengan efektif kelemahan-kelemahan keselamatan maklumat yang diketahui menjadi penyebab atau penyumbang kepada sesuatu insiden berlaku;  f) Selepas sesuatu insiden ditangani dengan sempurna, penutupan kes secara rasmi perlu dilakukan dengan rekod;  g) Analisa pasca insiden wajar dilakukan untuk mengenalpasti punca insiden;	
---	--

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	88

 <p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
	<b>VERSI</b> : 1.0
	<b>TARIKH</b> : xxx
	<b>MUKA SURAT</b> : 89/100

**BIDANG 10**  
**PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN**

<b>Huraian</b>	Pengurusan kesinambungan perkhidmatan dan pelan pengurusan kesinambungan perkhidmatan hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan berdasarkan kepada persekitaran dan operasi UTM.
<b>Objektif</b>	Untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan.

<b>1001 Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan</b>	<b>UTM-100101 Kesinambungan Perkhidmatan</b>	<b>Tindakan</b>
Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan adalah mekanisme bagi mengurus dan memastikan kepentingan stakeholder sistem penyampaian perkhidmatan dilindungi dan imej UTM terpelihara dengan mengenal pasti kesan atau impak yang berpotensi menjelaskan sistem penyampaian perkhidmatan UTM di samping menyediakan pelan tindakan bagi mewujudkan ketahanan dan keupayaan bertindak yang berkesan.  Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan operasi sistem penyampaian perkhidmatan di bawah kawalannya disediakan secara berterusan tanpa gangguan di samping menyediakan perlindungan keselamatan kepada aset ICT UTM.		ICTSO  Ketua PTJ

<b>1002 Pelan Kesinambungan Perkhidmatan</b>	<b>UTM-100201 Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan</b>	<b>Tindakan</b>
Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (Business Continuity Management - BCM) hendaklah dibangunkan untuk menentukan pendekatan yang menyeluruh diambil		CIO,  ICTSO,

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	89

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 90/100

<p>bagi mengekalkan kesinambungan perkhidmatan.</p> <p>Ini bertujuan memastikan tiada gangguan kepada proses-proses dalam penyediaan perkhidmatan organisasi. Pelan ini mestilah diluluskan oleh Majlis ICT UTM. Perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengenal pasti semua tanggungjawab dan prosedur kecemasan atau pemulihan;</li> <li>b) Mengenal pasti peristiwa yang boleh mengakibatkan gangguan terhadap proses bisnes bersama dengan kemungkinan dan impak gangguan tersebut serta akibat terhadap keselamatan ICT;</li> <li>c) Melaksanakan prosedur-prosedur kecemasan bagi membolehkan pemulihan dapat dilakukan secepat mungkin atau dalam jangka masa yang telah ditetapkan;</li> <li>d) Mendokumentasikan proses dan prosedur yang telah dipersetujui;</li> <li>e) Mengadakan program latihan kepada pengguna mengenai prosedur kecemasan;</li> <li>f) Membuat <i>backup</i>; dan</li> <li>g) Menguji dan mengemas kini pelan sekurang-kurangnya setahun sekali.</li> </ul> <p>Pelan BCM perlu dibangunkan dan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Senarai aktiviti teras yang dianggap kritikal mengikut susunan keutamaan;</li> <li>b) Senarai personel UTM dan vendor berserta nombor yang boleh dihubungi (faksimili, telefon dan e-mel). Senarai kedua juga hendaklah disediakan sebagai menggantikan personel yang tidak dapat hadir untuk menangani insiden;</li> <li>c) Senarai lengkap maklumat yang memerlukan <i>backup</i> dan lokasi sebenar penyimpanannya serta arahan pemulihan maklumat dan kemudahan yang berkaitan;</li> <li>d) Alternatif sumber pemprosesan dan lokasi untuk menggantikan sumber yang telah lumpuh; dan</li> <li>e) Perjanjian dengan pembekal perkhidmatan untuk mendapatkan keutamaan penyambungan semula perkhidmatan di mana boleh.</li> </ul>	Pengurus IT
---	-------------

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	90

<p><b>DKICT</b></p>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
	VERSI : 1.0
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
	MUKA SURAT : 91/100

<p>f) Salinan pelan BCM perlu disimpan di lokasi berasingan untuk mengelakkan kerosakan akibat bencana di lokasi utama. Pelan BCM hendaklah diuji sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila terdapat perubahan dalam persekitaran atau fungsi bisnes untuk memastikan ia sentiasa kekal berkesan. Penilaian secara berkala hendaklah dilaksanakan untuk memastikan pelan tersebut bersesuaian dan memenuhi tujuan dibangunkan.</p> <p>g) Ujian pelan BCM hendaklah dijadualkan untuk memastikan semua ahli dalam pemulihian dan personel yang terlibat mengetahui mengenai pelan tersebut, tanggungjawab dan peranan mereka apabila pelan dilaksanakan.</p> <p>h) UTM hendaklah memastikan salinan pelan BCM sentiasa dikemas kini dan dilindungi seperti di lokasi utama.</p>	
---	--

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	91

<p><b>DKICT</b></p>	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
		TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 92/100

## BIDANG 11

### PEMATUHAN

<b>Huraian</b>	Keperluan-keperluan perundangan, peraturan atau ikatan kontrak hendaklah dinyatakan, didokumenkan dan dikemas kini.
<b>Objektif</b>	Untuk menghindar pelanggaran undang-undang jenayah dan sivil, <i>statutory</i> , peraturan atau ikatan kontrak dan sebarang keperluan keselamatan lain.

<b>1101 Pematuhan Keperluan Perundangan</b>	
<b>UTM-110101 Pematuhan Perundangan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
Bertanggungjawab untuk memastikan semua pengguna aset ICT termasuk pembekal dan pakar runding mematuhi dan seterusnya memastikan pelanggaran kepada perundangan yang berkaitan dan keperluan dasar ini dielakkan.	Ketua PTJ, Unit Undang-Undang

<b>1102 Pematuhan Dasar</b>	
<b>UTM-110201 Pematuhan Dasar Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
Setiap pengguna di UTM hendaklah membaca, memahami dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT UM dan undang-undang atau peraturan-peraturan lain yang berkaitan yang berkuat kuasa.  Semua aset ICT di UTM termasuk maklumat yang disimpan di dalamnya adalah hak milik universiti. Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa berhak untuk memantau aktiviti pengguna untuk mengesan penggunaan selain dari tujuan yang telah ditetapkan.  Sebarang penggunaan aset ICT UTM selain daripada maksud dan tujuan yang telah ditetapkan, adalah merupakan satu penyalahgunaan sumber UTM.	Semua

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	92

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013 CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 93/100

<b>UTM-110202 Pematuhan dengan Dasar, Piawaian dan Keperluan Teknikal</b>	<b>Tindakan</b>
ICTSO hendaklah memastikan semua prosedur keselamatan dalam bidang tugas masing-masing mematuhi dasar, piawaian dan keperluan teknikal.  Sistem maklumat perlu diperiksa secara berkala bagi mematuhi standard pelaksanaan keselamatan ICT.	ICTSO
<b>UTM-110203 Pematuhan Keperluan Audit</b>	<b>Tindakan</b>
Pematuhan kepada keperluan audit perlu bagi meminimumkan ancaman dan memaksimumkan keberkesanan dalam proses audit sistem maklumat. Keperluan audit dan sebarang aktiviti pemeriksaan ke atas sistem operasi perlu dirancang dan dipersetujui bagi mengurangkan kebarangkalian berlaku gangguan dalam penyediaan perkhidmatan. Capaian ke atas peralatan audit sistem maklumat perlu dijaga dan diselia bagi mengelakkan berlaku penyalahgunaan.	Semua

<b>1103 Keperluan Perundangan</b>	
<b>UTM-110301 Pematuhan Perundangan Keselamatan ICT</b>	<b>Tindakan</b>
Berikut adalah keperluan perundangan atau peraturan-peraturan lain berkaitan yang perlu dipatuhi oleh semua pengguna di UTM:  a) Arahann Keselamatan; b) Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 bertajuk "Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan"; c) Malaysian Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS) 2002; d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 bertajuk "Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); e) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertajuk "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan"; f) Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005 – Garis Panduan Penilaian	Semua

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	93

 <p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b>	: TERBUKA
	<b>VERSI</b>	: 1.0
	<b>TARIKH</b>	: xxx
	<b>MUKA SURAT</b>	: 94/100

Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam;  g) Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2006 - Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam;  h) Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara - Langkah-Langkah Untuk Memperkuatkannya Keselamatan Rangkaian Setempat Tanpa Wayar (Wireless Local Area Network) di Agensi-Agenzi Kerajaan yang bertarikh 20 Oktober 2006;  i) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU - Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Agenzi Kerajaan yang bertarikh 1 Jun 2007;  j) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU - Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik Di Agensi- Agenzi Kerajaan yang bertarikh 23 November 2007;  k) Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2000 – Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa di Bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK);  l) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1995 (Tambahan Pertama) - Tatacara Penyediaan, Penilaian dan Penerimaan Tender;  m) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/1995 - Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perundingan;  n) Akta Tandatangan Digital 1997;  o) Akta Rahsia Rasmi 1972;  p) Akta Jenayah Komputer 1997;  q) Akta Hak Cipta (Pindaan) Tahun 1997;  r) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;  s) Perintah-Perintah Am;  t) Arahan Perbendaharaan;  u) Arahan Teknologi Maklumat 2007;  v) Garis Panduan Keselamatan MAMPU 2004;  w) Standard Operating Procedure (SOP) ICT MAMPU;	
---	--

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	94

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 95/100

x) Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 – Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam yang bertarikh 17 November 2009; dan  y) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU – Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan Agensi Sektor Awam yang bertarikh 22 Januari 2010.	
---	--

<b>1104 Pelanggaran Perundangan</b>	
<b>UTM-110401 Pelanggaran Dasar</b>	<b>Tindakan</b>
Pelanggaran Dasar Keselamatan ICT UTM boleh dikenakan tindakan tata tertib.	Semua

<b>1105 Kebolehsediaan Fasiliti Pemprosesan Maklumat</b>	
<b>UTM-110501 Kebolehsediaan Fasiliti Pemprosesan Maklumat</b>	<b>Tindakan</b>
Untuk memastikan kebolehsediaan fasiliti pemprosesan maklumat ditahap yang tinggi, kaedah pemprosesan bertindan (lebih dari satu lokasi/platform pemprosesan) perlu diwujudkan.  Untuk tujuan itu, perkara berikut wajar diberi tumpuan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) UTM perlu mengenalpasti keperluan kebolehsediaan sistem maklumat (memahami sejauh mana kritikalnya kebolehsediaan sesuatu sistem maklumat);</li> <li>b) Jika kebolehsediaan sistem maklumat tidak dapat dipastikan dengan satu lokasi pemprosesan, maka fasiliti pemprosesan bertindan perlu dipertimbangkan;</li> <li>c) Fasiliti pemprosesan bertindan perlu diuji bagi memastikan kesiapsediaan menjalankan operasi apabila pemprosesan utama gagal berfungsi;</li> <li>d) Kewujudan pemprosesan bertindan boleh membawa risiko kepada kewibawaan dan kerahsiaan maklumat dan sistem maklumat. Hal ini perlu</li> </ul>	Semua

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	95

<p><b>DKICT</b></p>	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
		TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 96/100

diambil kira semasa sesuatu sistem maklumat itu direkabentuk	
--	--

RUJUKAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
DKICT	1.0	xxx	96

<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
		<b>VERSI</b> : 1.0
		<b>TARIKH</b> : xxx
		<b>MUKA SURAT</b> : 97/100

<b>GLOSARI</b>	
Risiko	Bermaksud kemungkinan yang boleh menyebabkan bahaya, kerosakan dan kerugian.
Penilaian Risiko	Bermaksud penilaian ke atas kemungkinan berlakunya bahaya atau kerosakan atau kehilangan aset.
Ancaman	Bermaksud apa sahaja kejadian yang berpotensi atau tindakan yang boleh menyebabkan berlaku kemusnahan atau musibah.
<i>Vulnerability</i>	Bermaksud sebarang kelemahan pada aset atau sekumpulan aset yang boleh dieksloitasi oleh ancaman.
Insiden Keselamatan	Bermaksud musibah ( <i>adverse event</i> ) yang berlaku ke atas sistem maklumat.
Aset ICT	Bermaksud semua yang mempunyai nilai kepada organisasi merangkumi perkakasan, perisian, perkhidmatan, data atau maklumat dan manusia.
Clear Desk	Bermaksud tidak meninggalkan sebarang dokumen yang sensitif di atas meja.
Clear Screen	Bermaksud tidak memaparkan sebarang maklumat sensitif apabila komputer berkenaan ditinggalkan.
Mobile Code	Bermaksud kod perisian yang dipindahkan dari satu komputer kepada komputer lain dan melaksanakan secara automatik fungsi-fungsi tertentu dengan sedikit atau tanpa interaksi dari pengguna
Antivirus	Perisian yang mengimbas virus pada media storan seperti disket, cakera padat, pita magnetic, ooptical disk, flash disk, CDROM, thumb drive untuk sebarang kemungkinan adanya virus.
Backup	Proses penduaan sesuatu dokumen atau maklumat.
CIO	<i>Chief Information Officer</i>  Ketua Pegawai Maklumat yang bertanggungjawab terhadap ICT dan sistem maklumat bagi menyokong arah tuju sesebuah organisasi.

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	97

	<b>DKICT</b>	KLASIFIKASI : <b>TERBUKA</b>
		VERSI : 1.0
	<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>	TARIKH : xxx
		MUKA SURAT : 98/100

<b>GLOSARI</b>	
<i>Encryption</i>	Enkripsi ialah satu proses penyulitan data oleh pengirim supaya tidak difahami oleh orang lain kecuali penerima yang sah.
<i>Denial of Service</i>	Halangan pemberian perkhidmatan.
<i>Firewall</i>	Sistem yang direka bentuk untuk menghalang capaian pengguna yang tidak berkenaan kepada atau daripada rangkaian dalaman. Terdapat dalam bentuk perkakasan atau perisian atau kombinasi kedua-duanya.
<i>Forgery</i>	Pemalsuan dan penyamaran identiti yang banyak dilakukan dalam penghantaran mesej melalui e-mel termasuk penyalahgunaan dan pencurian identiti, pencurian maklumat ( <i>information theft/espionage</i> ), penipuan ( <i>hoaxes</i> ).
<i>Hard disk</i>	Cakera keras. Digunakan untuk menyimpan data dan boleh di akses lebih pantas.
<i>ICT</i>	<i>Information and Communication Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi).
<i>ICTSO</i>	<i>ICT Security Officer</i> Pegawai yang bertanggungjawab terhadap keselamatan sistem komputer.
<i>Internet</i>	Sistem rangkaian seluruh dunia, di mana pengguna boleh membuat capaian maklumat daripada pelayan ( <i>server</i> ) atau komputer lain.
<i>Internet Gateway</i>	Merupakan suatu titik yang berperanan sebagai pintu masuk ke rangkaian yang lain. Menjadi pemandu arah trafik dengan betul dari satu trafik ke satu trafik yang lain di samping mengekalkan trafik-trafik dalam rangkaian-rangkaian tersebut agar sentiasa berasingan.
<i>Intrusion Detection System (IDS)</i>	Sistem Pengesan Pencerobohan Perisian atau perkakasan yang mengesan aktiviti tidak berkaitan, kesilapan atau yang berbahaya kepada sistem. Sifat IDS berpandukan jenis data yang dipantau, iaitu sama ada lebih bersifat <i>host</i> atau rangkaian.
<i>Intrusion Prevention System (IPS)</i>	Sistem Pencegah Pencerobohan Perkakasan keselamatan komputer yang memantau rangkaian dan/atau aktiviti yang berlaku dalam sistem bagi mengesan perisian berbahaya. Boleh bertindak balas menyekat atau menghalang aktiviti serangan atau malicious code. Contohnya: <i>Network-based IPS</i> yang akan memantau semua trafik rangkaian bagi sebarang kemungkinan serangan.

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	98

<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<p><b>DKICT</b></p> <p><b>ISO/IEC 27001: 2013</b>  <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b></p>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
		<b>VERSI</b> : 1.0
		<b>TARIKH</b> : xxx
		<b>MUKA SURAT</b> : 99/100

<b>GLOSARI</b>	
<i>Logout</i>	<i>Log-out</i> komputer Keluar daripada sesuatu sistem atau aplikasi komputer.
<i>LAN</i>	<i>Local Area Network</i> Rangkaian Kawasan Setempat yang menghubungkan komputer.
<i>Malicious Code</i>	Perkakasan atau perisian yang dimasukkan ke dalam sistem tanpa kebenaran bagi tujuan pencerobohan. Ia melibatkan serangan virus, <i>trojan horse</i> , <i>worm</i> , <i>spyware</i> dan sebagainya.
<i>MODEM</i>	MOdulator DEModulator Peranti yang boleh menukar strim bit digital ke isyarat analog dan sebaliknya. Ia biasanya disambung ke talian telefon bagi membolehkan capaian Internet dibuat dari komputer.
<i>Outsource</i>	Bermaksud menggunakan perkhidmatan luar untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu ICT bagi suatu tempoh berdasarkan kepada dokumen perjanjian dengan bayaran yang dipersetujui.
<i>Perisian Aplikasi</i>	Ia merujuk kepada perisian atau pakej yang selalu digunakan seperti <i>spreadsheet</i> dan <i>word processing</i> ataupun sistem aplikasi yang dibangunkan oleh sesebuah organisasi atau jabatan.
<i>Router</i>	Penghala yang digunakan untuk menghantar data antara dua rangkaian yang mempunyai kedudukan rangkaian yang berlainan. Contohnya, pencapaian Internet.
<i>Screen Saver</i>	Imej yang akan diaktifkan pada komputer setelah ianya tidak digunakan dalam jangka masa tertentu.
<i>Server</i>	Pelayan komputer.
<i>Switches</i>	Suis merupakan gabungan hab dan titi yang menapis bingkai supaya mensegmentkan rangkaian. Kegunaan suis dapat memperbaiki prestasi rangkaian <i>Carrier Sense Multiple Access/Collision Detection</i> (CSMA/CD) yang merupakan satu protokol penghantaran dengan mengurangkan perlanggaran yang berlaku.
<i>Threat</i>	Gangguan dan ancaman melalui pelbagai cara iaitu e-mel dan surat yang bermotif personal dan atas sebab tertentu.
<i>UTMCERT</i>	<i>University of Technology Malaysia Computer Emergency Response Team</i> atau Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan ICT UTM. Pasukan yang ditubuhkan untuk membantu UM mengurus pengendalian insiden keselamatan ICT di semua PTj.

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	99

	<b>DKICT</b>	<b>KLASIFIKASI</b> : TERBUKA
		<b>VERSI</b> : 1.0
<b>ISO/IEC 27001: 2013</b> <b>CICT-UTM-ISMS-P1-001</b>		<b>TARIKH</b> : xxx
		<b>MUKA SURAT</b> : 100/100

### **GLOSARI**

<i>Video Conference</i>	Media yang menerima dan memaparkan maklumat multimedia kepada pengguna dalam masa yang sama ia diterima oleh penghantar.
<i>Uninterruptible Power Supply (UPS)</i>	Satu peralatan yang digunakan bagi membekalkan bekalan kuasa yang berterusan dari sumber berlainan ketika ketidaan bekalan kuasa ke peralatan yang bersambung.
<i>Video Streaming</i>	Teknologi komunikasi yang interaktif yang membenarkan dua atau lebih lokasi untuk berinteraksi melalui paparan video dua hala dan audio secara serentak.
Virus	Atur cara yang bertujuan merosakkan data atau sistem aplikasi.
Wireless LAN	Jaringan komputer yang terhubung tanpa melalui kabel.

<b>RUJUKAN</b>	<b>VERSI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
DKICT	1.0	xxx	100